

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG
(IPOH TIMUR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik penerima-penerima BR1M 2017 mengikut susunan negeri-negeri masing-masing. Berapakah jumlah penerima-penerima BR1M 2016 yang telah di batalkan kelayakan dalam BR1M 2017.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan penerima BR1M 2017 adalah seramai 7,216,742 orang. Statistik mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	Jumlah Keseluruhan Penerima
MALAYSIA	7,216,742
JOHOR	878,125

KEDAH	613,338
KELANTAN	526,044
MELAKA	223,448
NEGERI SEMBILAN	284,657
PAHANG	408,644
PERAK	715,407
PERLIS	76,981
PULAU PINANG	391,797
SABAH	663,359
SARAWAK	743,587
SELANGOR	989,068
TERENGGANU	347,825
W.P. KUALA LUMPUR	327,912
W.P. LABUAN	18,527
W.P. PUTRAJAYA	8,023

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kewangan tidak pernah membatalkan permohonan ke atas mana-mana pemohon. Setiap permohonan telah melalui proses verifikasi yang dikendalikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan hanya akan gagal sekiranya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Jumlah permohonan yang lulus pada tahun 2016 tetapi gagal pada tahun 2017 adalah seramai 14,467 orang.